

# UNIMAS berhasrat miliki hospital pembelajaran

**KOTA SAMARAHAN:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berhasrat memiliki hospital pembelajaran seperti yang ada di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Naib Canselor UNIMAS Prof Datuk Dr Muhammad Kadim Suaidi berkata, sejak Fakulti Perubatan UNIMAS ditubuhkan, pelajar bidang perubatan menjalankan praktikal di hospital kerajaan.

Beliau memberitahu, ia termasuk Hospital Umum Sarawak (HUS), Hospital Serian, Hospital Sibu dan Hospital Bintulu yang mana UNIMAS telah berjaya melahirkan hampir 1,000 doktor sejak 20 tahun penubuhan fakulti itu.

"Setiap tahun kami mempunyai 120 pelajar bidang perubatan baharu di mana mereka ini akan menjalankan praktikal di beberapa hospital kerajaan.

"Kami melihat keperluan untuk menubuhkan 'teaching hospital' ini bagi memastikan bahawa kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar Fakulti Perubatan adalah yang terbaik tetapi kami faham tentang kekangan yang dihadapi kerajaan dari segi kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelancaran Program YSS Misi Tuisyen di Dewan Kuliah Pusat Fakulti Teknologi UNIMAS di sini semalam.

"Keperluan itu memang ada dan wajar sebab itu kami di UNIMAS sentiasa mengingatkan kerajaan agar memberi pertimbangan kepada UNIMAS untuk menubuhkan teaching hospital di sini," tambahnya.

Menyentuh mengenai bangunan Fakulti Perubatan yang terletak bersebelahan HUS, beliau berkata pelajar perubatan di situ akan dipindahkan ke kampus induk mulai penghujung tahun ini.

Sementara itu, Menteri Kerja Raya Datuk Fadillah Yusof menjelaskan bahawa permohonan UNIMAS dan beberapa lagi universiti di Malaysia ber-



**FADILLAH**

hubung perkara itu telah dikemukakan ke kabinet dan sedang dalam pertimbangan.

"Permohonan sudah kami terima tetapi ia masih dalam proses pertimbangan di peringkat kerajaan iaitu di peringkat Kementerian Pendidikan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Kementerian Kewangan.

"Kerajaan akan mencari kaedah dan universiti mana diberi keutamaan bukan sahaja melihat kepada keperluan universiti tetapi juga melihat kepada keadaan setempat," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Fadillah memberitahu, kementerianannya akan melakukan kunjungan ke Brunei bagi membincangkan tarikh perasmian dan pembukaan serta menamakan jambatan baharu di Sungai Pandaruan yang sudah hampir siap sepenuhnya.

"Insya-Allah saya akan mengadakan lawatan terhadap rakan sejawat di Brunei untuk kita perincikan, untuk majlis perasmian dan pembukaan serta berbincang bersama Brunei dan kerajaan negeri untuk menamakan jambatan itu.

"Ia penting kerana jambatan itu perlu dinamakan kerana jambatan ini menghubungkan dua negara bukan sahaja Malaysia dengan Brunei tetapi Brunei dengan Sarawak," ujarnya.

Selain itu, jelasnya pihaknya juga akan membincangkan jalan-jalan yang menghubungkan Sarawak dan Brunei bagi memastikan sistem perhubungan yang baik dapat disediakan.